

PARAMETER BAGI PEMBELIAN EMAS DALAM TALIAN SECARA KAEDAH KUNCI HARGA (*LOCK PRICE*): SATU ANALISIS

Parameters For Buying Gold Online Through Lock Price Method: An Analysis

Muhamad Zuhaili Saiman^{1a*}

^aAkademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM),

40450, Shah Alam, Selangor, MALAYSIA

E-mel: mdzuhaili@uitm.edu.my

*Corresponding Author: mdzuhaili@uitm.edu.my

Received: 8 August 2022

Accepted: 16 August 2022

Published: 15 September 2022

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol27no4.474>

Abstrak	Abstract
<p>Pembelian emas menerusi kaedah kunci harga (<i>lock price</i>) merupakan kaedah yang popular urusniaga emas kontemporari. Kelebihan kaedah kunci harga (<i>lock price</i>) ini memberikan kelebihan kepada pembeli untuk mendapatkan harga yang lebih murah dari berlakunya perubahan harga sekiranya nilai emas melonjak naik. Dengan kunci harga (<i>lock price</i>), pembeli akan mendapat harga emas sewaktu kunci harga dilakukan dan ia tidak akan berubah atau terjejas dengan perubahan nilai emas. Menjadi persoalan kajian ialah bagaimana kaedah kunci harga (<i>lock price</i>) diaplikasikan agar tidak wujud unsur bertangguh yang membawa kepada isu riba memandangkan urusniaga emas yang merupakan item ribawi mestilah berlaku secara tunai dan wujudnya taqabud dari kedua-dua pihak dalam satu majlis. Tumpuan kajian ini ialah mengkaji kaedah kunci harga (<i>lock price</i>) dalam urusniaga emas yang berlaku bagi mengalisis kepatuhan syariah berdasarkan garis panduan urusniaga emas menurut perspektif kewangan Islam.</p>	<p><i>Buying gold online through the lock price method is a popular method of contemporary gold transactions. The advantage of this lock price method gives the buyer an advantage to get a cheaper price from the occurrence of price changes if the value of gold soars. With a price lock, the buyer will get the price of gold when the price lock is done and it will not change or be affected by changes in the value of gold. The research question is how the lock price method is applied so that there is no element of delay that leads to the issue of usury (riba) considering that gold transactions which are ribawi items must be done in cash and there is taqabud from both parties in a ceremony. The focus of this study is to examine the lock price method in gold transactions that occurs to analyze shariah compliance based on gold transaction guidelines according to the Islamic financial perspective. The methodology used is a qualitative research design which is through a literature review approach based on</i></p>

<p>Metodologi yang digunakan ialah reka bentuk kajian kualitatif iaitu menerusi pendekatan kajian kepustakaan berdasarkan analisis kandungan dan dokumen yang berkaitan. Dapatan hasil kajian ialah pembentukan satu parameter yang khusus dalam kaedah kunci harga (<i>lock price</i>) dihasilkan bagi memastikan urusniaga emas dilakukan dengan jelas tanpa wujud unsur bertangguh dan berlakunya taqabud dalam satu majlis. Selain itu, dengan parameter yang dihasilkan ini akan membezakan kaedah kunci harga (<i>lock price</i>) yang merupakan hanya perjanjian dan belum lagi terbentuk akad jual beli emas.</p> <p>Katakunci: kunci harga (<i>lock price</i>), emas, bertangguh, taqabud, parameter</p>	<p><i>content analysis and relevant documents. The result of the study is the formation of a specific parameter in the lock price method produced to ensure that gold transactions are carried out clearly without the element of delay and the occurrence of taqabud in a ceremony. In addition, with the parameters produced this will distinguish the lock price method which is only an agreement and has not yet formed a gold sales contract.</i></p> <p>Keywords: <i>lock price, gold, delay, taqabud, parameters</i></p>
--	---

1. PENDAHULUAN

Pembelian emas pada masa kini semakin mendapat perhatian. Selain dari syarikat-syarikat emas seperti Public Gold, KAB, YaPEIM, Quantum Metal dan sebagainya, kini institusi bank-bank juga menawarkan pembelian emas menerusi simpanan akaun emas seperti Maybank, Affin Bank, Bank Muamalat dan lain-lain. Walau pun emas menunjukkan rekod nilai semasa lebih tinggi berbanding 5 tahun kebelakangan ini namun nilai emas harian semasa tetap berlaku turun dan naik. Ini menjadikan pembeli berusaha mencari waktu terbaik untuk membeli iaitu ketika nilai emas sedang turun dan lebih rendah dari nilai sebelumnya.

Antara kaedah pembelian yang popular dalam urusniaga emas ini ialah kaedah kunci harga (*lock price*). Kaedah kunci harga (*lock price*) merupakan kaedah yang popular dalam urusniaga emas. Kaedah ini memberikan peluang kepada pelanggan untuk kunci harga yang diingin memandangkan harga emas semasa sentiasa berubah-ubah dalam 20 minit. Kaedah ini memberikan kelebihan untuk pelanggan mengunci harga di tahap yang rendah sebelum melakukan penyerahan bayaran dan penerimaan emas fizikal di agensi yang berdekatan. Kaedah ini juga menyatakan bahawa pelanggan telah bersetuju untuk membeli pada harga yang telah dikunci. Harga yang dikunci tidak akan terjejas dengan perubahan yang berlaku sama ada menurun atau menaik. (Muhamad Zuhaili & Ahmad Dahlan, 2018)

Sedangkan, emas yang merupakan salah satu item ribawi terikat dengan garis panduan khusus yang jelas dinyatakan dalam hadith yang melibatkan urusniaga item ribawi. Pertukaran yang melibatkan item ribawi yang mempunyai sama jenis seperti emas dengan emas mestilah dalam keadaan *tamathul* (sama banyak), *hulul* (tunai iaitu tidak bertangguh) dan berlaku *taqabud* (serahan milik dari kedua-dua pihak) dalam satu majlis. Manakala jika pertukaran yang melibatkan item ribawi yang berlainan jenis namun mempunyai illah yang sama pula ialah dibenarkan berlaku pertambahan namun masih lagi terikat dengan *hulul* (tunai iaitu tidak bertangguh) dan berlaku *taqabud* dalam satu majlis. Dan dalam konteks pembelian emas dengan menggunakan wang kertas, menurut pendapat yang rajih dari sarjana Islam bahawa wang kertas pada masa kini menggantikan fungsi dinar dan dirham yang memiliki *illah* (sebab hukum) *thamaniyyah* (nilai) iaitu mata wang. Justeru, urusniaga emas yang melibatkan pertukaran emas dengan wang kertas adalah sama sepertimana dua item ribawi yang berlainan jenis namun memiliki illah ribawiah yang sama iaitu dibenarkan berlaku pertambahan namun masih lagi terikat dengan *hulul* (tunai iaitu tidak bertangguh) dan berlaku *taqabud* dalam satu majlis. (al-Zuhaily, 2002 & al-Qaradawi, 2006)

Sehubungan itu, perbincangan mengenai kaedah kunci harga (*lock price*) adalah untuk menganalisis sejauh mana kaedah pembelian sebegini patuh syariah dan tidak timbul unsur yang boleh menyebabkan berlakunya isu riba yang diharamkan. Antara yang perlu dianalisis dalam kaedah kunci harga (*lock price*) ini ialah isu bertangguh menerusi kesepakatan antara penjual dan pembeli apabila sesuatu harga dikunci sedangkan harga emas berubah setiap 20 minit dan lebih ketara selepas 12.00 tengah malam. Selain itu, isu *taqabud* (kedua-dua pihak berakad melakukan serahan milik) antara pembeli dan penjual apabila kaedah kunci harga (*lock price*) dilakukan dengan pembeli telah membayar wang belian secara penuh namun barang belum diperolehi oleh pembeli. Begitu juga dalam transaksi yang melibatkan urusniaga emas, mestilah dipastikan emas yang dijual dalam talian (online) adalah wujud dalam stok dan bukannya tempahan ke atas emas yang tidak wujud.

2. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian kualitatif dengan memfokuskan analisis ke atas urusniaga emas menerusi kaedah kunci harga (*lock price*) bagi membentuk satu parameter yang khusus berkenaan aplikasi kaedah kunci harga (*lock price*) ini. Kajian ini menggunakan pendekatan pengumpulan data dan analisis dokumen daripada sumber primer dan sekunder seperti kitab-kitab fiqh, buku ilmiah berkenaan urusniaga emas, artikel jurnal, kertas kerja persidangan dan laporan kes. Setelah itu, data yang

diperoleh dianalisis menggunakan pendekatan deskriptif sebagai menjawab persoalan artikel ini. Analisis dilakukan dengan membuat pengamatan terhadap data-data tersebut untuk mendapatkan gambaran yang jelas berkaitan kaedah kunci harga (*lock price*) terhadap persoalan-persoalan yang timbul dalam membentuk satu parameter khusus. Analisis juga dilakukan dengan membuat penelitian kepada perbahasan para sarjana Islam dan pengkaji akademik yang mengkritik beberapa perkara terhadap kaedah kunci harga (*lock price*) ini untuk mencadangkan solusi kepada kritikan tersebut dengan membentuk parameter bagi memastikan kaedah tersebut lebih menepati kehendak syarak berdasarkan garis panduan urusniaga emas yang merupakan item ribawi.

3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

3.1 *Status Janji Berdasarkan Pandangan Para Sarjana Islam*

Dari sudut perbahasan perjanjian ini, para pengkaji akademik membezakan antara bentuk-bentuk perjanjian seperti berikut :

- i. *Wa'd* ialah perjanjian yang diberikan oleh sebelah pihak. *Wa'd* atau perjanjian bermaksud sesuatu perbuatan di mana seseorang atau lebih mengikatkan dirinya terhadap seseorang lain atau lebih (Turki, 2012). Dengan kata lain, perjanjian adalah sesuatu kesepakatan di antara seseorang atau beberapa orang dengan seseorang atau lebih untuk melakukan sesuatu perbuatan tertentu. Kontrak juga adalah sejenis perjanjian. Menurut *English Common Law*, kontrak didefinisikan sebagai perjanjian antara kedua-dua belah pihak untuk menjadikan sesuatu janji itu mengikat. (Shofian & Azlin, 2008)
- ii. *Tawa'ud* pula ialah *muwa'adah* iaitu perjanjian dari kedua-dua belah pihak (AAOIFI, 2016 : no 49). *Muwa'adah* merujuk kepada dua janji yang diberi secara timbalbalik (*bilateral*) oleh dua pihak, satu kepada yang lain, sama ada janji tersebut dibuat secara bersyarat atau tidak. Contoh tidak bersyarat ialah seperti Abu berjanji untuk menjual kereta kepada Ali pada suatu masa tertentu dan Ali juga memberi janji untuk menjual kereta yang sama pada masa yang sama. Manakala contoh pemberian janji timbalbalik secara bersyarat pula ialah seperti Abu memberi janji kepada Ali untuk membeli kereta daripada Ali jika sekiranya situasi A berlaku. Dalam masa yang sama, Ali juga memberi janji kepada Abu untuk menjual kereta kepada Abu juga jika sekiranya situasi A berlaku. (Abu Ghuddah, 2006)

- iii. *Wa'dan* : Dua janji yang diberikan secara *unilateral* (*two unilateral promises*) oleh satu pihak kepada pihak yang lain, dan begitu juga sebaliknya, dan dua janji ini tidak saling berkaitan dan perlaksanaanya adalah bergantung kepada dua syarat (*conditions*) yang berbeza. (Abu Ghuddah, 2006)

Perbezaan yang berlaku pelbagai kondisi ini kerana para ulama berselisih pandangan mengenai adakah wajib menyempurnakan *wa'd* untuk melakukan kontrak. Maka perbezaan pandangan ini memberikan hukum yang berbeza bergantung kepada kondisi *wa'd* tersebut adalah ia suatu kemestian atau tidak. Majoriti Ulama yang terdiri daripada Hanafi, Shafi'i, Hanbali dan Maliki berpendapat bahawa *wa'd* hanya mengikat dari sudut agama sahaja, namun tidak mengikat dari sudut perundangan seperti kontrak. Ini kerana, *wa'd* konsepnya dilihat sama seperti *tabarru'* iaitu hanya melibatkan serahan sebelah pihak sahaja tanpa mengikat kedua-dua pihak. Jika *wa'd* itu konsepnya bersifat mengikat, maka ia mempunyai status yang sama seperti kontrak, sedangkan kontrak tidak terbentuk dengan semata-mata *wa'd* tetapi memerlukan *ijab* dan *qabul* yang menunjukkan proses serah milik. Oleh itu, *wa'd* tidak sepatutnya bersifat mengikat. Berbeza dengan pandangan di atas, Ibn Shubrumah (Maysun, Arif & Hasan, 2019) berpendapat bahawa orang yang berjanji mesti bertanggungjawab ke atas janji yang dibuat, dan dia boleh dipaksa (melalui mahkamah) sekiranya dia tidak berbuat sedemikian. (al-Qurrah Daghi, 2002)

Manakala ulama Maliki dan Hanbali menjadikan janji bersifat mengikat dari sudut perundangan jika pihak yang menerima janji sudah beranggapan bahawa janji tersebut akan ditunaikan (Bank Negara Malaysia. 2007). Sebahagian ulama Mazhab Maliki dan Hanafi berpendapat bahawa janji yang dibuat sebelum kontrak diputuskan adalah menyerupai syarat yang ditetapkan sebelum kontrak (Islambuli, 2003). Namun begitu, menurut Usmani (2005), terdapat perbezaan di antara janji dan syarat sebelum kontrak. Ini kerana, sesebuah kontrak hanya dikira sah apabila ia memenuhi syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, beliau mengharuskan *muwa'adah* kerana hakikatnya belum terjadi kontrak jual beli lagi malah tidak tepat menyamakan *muwa'adah* dengan kontrak jual beli kerana terdapat perbezaan yang ketara antara keduanya:

- i. Implementasi *muwa'adah* tidak menjadikan kontrak jual beli terlaksana, ia hanya pada konteks kesefahaman dan persetujuan antara dua pihak sahaja sekalipun dalam keadaan mengikat.
- ii. Implementasi *muwa'adah* tidak memberikan kesan untuk penyerahan barang kerana kontrak jual belum terlaksana. Maka tidak menjadi bebanan ke atas pembeli untuk membayar harga (*dayn fi al-dhimmah*).

Berbeza dengan kontrak jual beli, maka berlaku penyerahan barang bagi maksud serahan hak milik, maka sekaligus memindahkan bebanan dan tanggungjawab ke atas pemilik yang baru iaitu pembeli bukan lagi penjual.

- iii. Dalam *muwa'adah*, tiada sebarang hutang yang terbentuk kerana belum terjadi kontrak dan tiada berlaku pemindahan hak milik. Adapun jika berlaku kemungkinan sebelah pihak, tuntutan ganti rugi boleh dilakukan atas kerugian atau kerosakan berdasarkan nilai yang diukur dan diiktiraf, bukannya bersifat tuntutan hutang.

Secara umum, jika janji yang tidak mengikat mana-mana pihak maka ia adalah *diharuskan* (dibenarkan) oleh para ulama. Ia kerana perbuatan menunaikan janji adalah soal moral dan akhlak yang mulia maka pembuat janji mestilah menunaikan janji tersebut. Namun, para ulama berbeza pandangan mengenai janji mengikat sama ada *wa'd* atau *muwa'adah* termasuklah *wa'dan* sama ada mereka yang memungkiri janji boleh dikenakan tindakan undang-undang atau tidak. Perbincangan mengenai hukum janji mengikat dapat dibahagikan kepada tiga pihak, iaitu: (Fadziani dan Ahmad Hidayat, 2019)

- i. Pihak yang membenarkan janji mengikat secara mutlak sama ada janji itu dalam bentuk *wa'd*, *muwa'adah* atau *wa'dan* kerana janji sekalipun ia mengikat tetap bukan kontrak. Ini ketetapan adalah mewakili Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dalam mesyuaratnya ke-157. (BNM, 2015)
- ii. Pihak yang menerima *wa'd* sahaja dalam keadaan mengikat, manakala *muwa'adah* yang mengikat hanya dibenarkan dalam transaksi eksport dan import sahaja kerana wujud maslahah ammah yang bagi memelihara maslahah yang mendesak. Ini ketetapan dari Akademi Fiqh Islam Antarabangsa (AFIA, 1998) dan Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institution (AAOIFI, 2002).
- iii. Pihak yang langsung tidak membenarkan sebarang bentuk janji yang mengikat sama ada dalam bentuk *wa'd*, *muwa'adah* atau *wa'dan*. Ini kerana apabila janji tersebut mengikat ia menyerupai kontrak. Ini pandangan dari Muhammad Sulaiman al-Asyqar (1983) dan Muhammad Ridha 'Abd al-Jabbar al-'Ani (1988).

Jadual 1. Perbezaan antara *muwa'adah*, *Wa'd* dan *Wa'dan* dari Sudut Kesan dan Implemtasi

Jenis / Kesan	<i>Muwa'adah</i>	<i>Wa'd</i>	<i>Wa'dan</i>
Satu janji	-	Ya	-
Dua janji	Ya	-	Ya
Satu syarat	Ya	Ya	-
Dua syarat	-	-	Ya
Mengikat antara dua pihak	Ya	-	-
Tidak mengikat dua pihak	-	Ya	Ya

Sumber : Muhamad Zuhaili (2021)

3.2 Analisis Situasi Janji Dalam Kaedah Kunci Harga (*Lock Price*)

Untuk menganalisis status perjanjian dalam kaedah kunci harga (*lock price*), terdapat tiga gambaran situasi status perjanjian yang diimplementasi tersebut seperti berikut:

- Perjanjian yang berlaku dikira sebagai satu kontrak jual beli dalam keadaan bertangguh penyerahan barang jualan dan duit bayaran.
- Perjanjian yang berlaku dikira kepada persetujuan kedua-dua pihak untuk melakukan kontrak jual beli pada tempoh masa hadapan yang telah ditetapkan bersama. Perjanjian tersebut sebagai jaminan daripada pembuat janji yang mesti disempurnakan kerana penjual hanya akan menjual atau menyerahkan emas tersebut berdasarkan perjanjian yang dibuat berdasarkan harga, bilangan dan jenis emas tersebut. Malah kemungkinan yang berlaku menyebabkan kerugian boleh dituntut ganti rugi.

Jika perjanjian yang diberikan merupakan situasi yang pertama iaitu sudah dikira berlakunya kontrak jual beli maka ia telah membuka ruang berlakunya penangguhan kedua-dua barang. Kontrak jual beli yang melibatkan barang *ribawi* sebegini adalah tidak diharuskan. 'Ubadah bin al-Samit meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ وَالنُّجُرُ بِالنُّجُرِ وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ وَالثَّمُرُ بِالثَّمُرِ وَالْمِلْحُ بِالْمِلْحِ مَثَلًا مِثْلٌ سَوَاءٌ
بِسَوَاءٍ يَدًا بِيَدٍ . فَإِذَا اخْتَلَقَتْ هَذِهِ الْأَصْنَافُ فَيَبْعُدُوا كَيْفَ شِئْتُمْ إِذَا كَانَ يَدًا بِيَدٍ

Maksudnya: *Emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, tamar dengan tamar, dan garam dengan garam, dalam keadaan sama banyak dan tunai (terima di dalam satu majlis). Maka apabila berbeza jenisnya maka berjual belilah mengikut kehendak kamu dalam keadaan tunai.*

(Muslim, Sahih Muslim. *Kitab Musaqah, Bab al-Nahyi 'an Bay' al-Wariq*, no. 1587)

Jika perjanjian yang dilakukan dalam situasi kedua iaitu sebagai satu bentuk jaminan yang mesti ditunaikan maka status perjanjian ini mesti diperhalusi dengan beberapa perincian. Ia bagi mengelakkan status perjanjian tersebut hanya bersifat perjanjian yang tidak berlaku lagi kontrak. Ini kerana terdapat perbezaan yang jelas antara perjanjian dengan kontrak dari pelbagai sudut sebagaimana yang ditunjukkan pada Jadual 2.0 di bawah ini.

Jadual 2 : Perbezaan Antara Status Janji Dan Kontrak (Akad)

Perbezaan	Janji	Kontrak (Akad)
Lafaz dan bentuk	Melibatkan masa hadapan.	Mesti berlaku sekarang.
Pelaksanaan kontrak	Kontrak belum terlaksana, hanya sekadar persefahaman atau perjanjian yang mengikat. Kontrak yang sebenar akan berlaku kemudiannya pada tarikh yang telah dipersetujui menerusi <i>ijab</i> dan <i>qabul</i> .	Kontrak telah berlaku menerusi lafaz <i>ijab</i> dan <i>qabul</i> .
Penyerahan barang	Tidak berlaku sebarang penyerahan barang kerana kontrak masih belum terlaksana. Serahan barang hanya terlaksana pada tarikh yang dipersetujui.	Berlaku penyerahan barang sama ada <i>qabd hakiki</i> atau <i>hukmiy</i> sewaktu akad dilakukan.
Liabiliti	Tidak menjadi liabiliti kepada pembeli untuk membayar harga (<i>dayn fi al-dhimmah</i>).	Menjadi liabiliti kepada pembeli untuk membayar harga barang sekiranya harga masih lagi belum dibayar.
Implikasi	Tiada sebarang hutang terbentuk, kerana kontrak belum berlaku. Hal ini kerana barang jualan belum berpindah pemilikannya kepada pembeli dan harga barang tidak	Sekiranya pembeli masih belum membayar harga, maka hukum hakam berkenaan dengan hutang terlaksana terhadap

	dianggap hutang.	hutang tersebut.
Perpindahan hak milik	Barang yang diniagakan belum lagi berpindah hak milik kepada pihak satu lagi.	Apabila kontrak telah berlaku, maka barang yang diniagakan telah bertukar hak milik.
Ganti rugi	Ganti rugi dibenarkan ke atas mereka yang mungkir janji untuk memenuhi janji berdasarkan kerugian sebenar yang berlaku atau kos perkhidmatan yang telah ditanggung sekalipun barang tidak berpindah milik lagi kerana kontrak tidak jadi dimeterai.	Ganti rugi adalah ke atas pemilik baharu setelah barang diserahkan kecuali berlaku kerosakan sebelum kontrak terjadi.

Sumber: Muhamad Zuhaili (2022). Adaptasi dari Azlin, Hailani, Shoffian & Mat Noor (2012)

Berdasarkan kepada Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOFI, 2016) dalam ketetapan syariah no 57 dalam membincangkan emas dan kawalan dagangannya membenarkan bentuk jamian dalam implementasi janji bagi urusniaga emas. Jaminan tersebut difahami menerusi keharusan bayaran awal pembeli sebagai *hamish jiddiyah* serta penjual berhak menuntut kerugian kos yang disebabkan kemungkiran di pihak pembeli selaku pihak yang memberikan janji. Jaminan ini masih lagi terikat pada janji yang status *wa'd* iaitu jaminan di sebelah pihak manakala *muwa'adah* yang mengikat kedua-dua pihak, tidak dibenarkan. Penulis melihat perbezaan keharusan antara *wa'd* dan *muwa'adah* di peringkat AAOFI adalah untuk memastikan perbezaan antara status janji dan kontrak jual beli sahaja. Ini kerana, sekalipun berlaku jaminan dengan mengikat sebelah pihak, ia masih lagi belum dikira kontrak jual beli kerana asas kontrak jual beli ialah *mu'awadat* iaitu serahan atau pertukaran dua pihak yang berakad.

Justeru dalam situasi kedua ini, masih belum lagi berlakunya kontrak jual beli melainkan pada tempoh bertangguh yang dijanjikan sekiranya pembeli selaku pemberi janji meneruskan perjanjian yang diberikan. Jaminan yang berlaku sekalipun mengikat dan dilihat seakan berlakunya *muyul ila al-luzum* masih lagi tidak menepati kontrak kerana :

- i. Jaminan yang mengikat adalah ke atas janji dari sudut perundangan sekalipun moral.
- ii. Tiada serahan barang dibuat sama ada serahan hakiki atau hukmiy.

- iii. Bayaran awal mestilah bersifat *hamisy jiddiyah* yang menunjukkan kesungguhan bukannya deposit awal. Jika dikira deposit awal atau sebahagian harga jualan yang dibayar awal, maka ia tidak diharuskan kerana telah berlaku kontrak yang bertangguh dengan maksud serahan di peringkat pembeli kepada penjual.

3.3 Pembelian Emas Dalam Talian

Pembelian emas secara kunci harga (*lock price*) yang popular sekarang ini ialah urusniaga secara dalam talian bagi memboleh seseorang membuat janji kepada agen atau syarikat emas untuk “mengunci” harga yang dipilih dan akan menyempurnakan janjinya dalam satu tempoh yang diberikan oleh pihak agen atau syarikat emas tersebut. Sebelum pergi kepada parameter pembelian emas secara kunci harga (*lock price*), perkara yang perlu dikaji ialah pembelian emas secara dalam talian. Ini kerana isu yang berlaku ialah isu serahan milik kedua-dua pihak (*taqabud*) dalam satu majlis.

Pembelian emas dalam talian (*online*) juga tidak terkecuali dari memenuhi syarat-syarat dalam garis panduan transaksi jual beli emas iaitu *tamathul* (kadar yang sama), *hulul* (tidak bertangguh) dan *taqabud* (serahan milik) dalam satu majlis bagi jenis item *ribawi* yang sama seperti emas dengan emas. Manakala bagi jenis item *ribawi* yang berlainan namun mempunyai *illah* yang sama iaitu *thamaniyyah* seperti emas dengan perak atau pun emas dengan wang kertas pada zaman sekarang ini maka syaratnya ialah *hulul* dan *taqabud* dalam satu majlis. Sekalipun dibenarkan berlaku lebihan namun unsur bertangguh tetap tidak dibenarkan. Apa yang membezakan pembelian emas dalam talian (*online*) ialah kondisi “satu majlis” ketika akad sedang berlangsung. Asasnya maksud bagi “satu majlis” tetap diterima sekalipun fizikal dua pihak berakad berada di tempat yang berlainan selagimana transaksi tersebut masih secara langsung urusniaga tanpa ada bertangguh. Jika sekadar rakaman atau pun ketika dalam talian (*online*) namun berlaku gangguan internet seperti terputus talian, maka ia tidak dikira “satu majlis”. Transaksi dalam talian (*online*) mestilah dibuktikan dengan keberadaan langsung pembeli dan penjual menerusi informasi transaksi yang jelas menyatakan masa, tarikh, barang yang dibeli dan bayaran yang dipindahkan.

Zulkifli al-Bakri (2018) menjelaskan dalam isu transaksi emas dalam talian (*online*) bahawa satu ketetapan dari Majlis Majma’ al-Fiqh al-Islami bagi Rabitah al-Alam al-Islami kali ke-11 yang bersidang di Makkah pada tahun 19-26 Februari 1989H telah membincangkan isu *taqabudh hakiki* (serahan fizikal barang) dan *hukmiy* (serahan milik secara sah hukum) dan memutuskan bahawa dokumentasi transaksi dalam bentuk resit dan rekod akaun boleh

diterima sebagai salah satu bentuk taqabudh yang sah dan diterima dalam Islam. Justeru, apabila emas tersebut sudah didepositkan ke dalam akaun pembeli dan direkodkan di dalam sistem dan resit, yang mana pembeli boleh bila-bila masa, mengeluarkan emas tersebut dengan kuantiti berdasarkan dalam majlis akad atau kontrak, maka penyerahan sudah dianggap sempurna. Maka sah akad transaksi jual beli emas secara dalam talian (*online*) jika meraikan syarat ini.

Perpindahan milikan yang berlaku mestilah perpindahan sepenuhnya beserta risiko. Sehubungan itu, walaupun berlakunya *qabd hukmiy* (serahan milik yang sah secara hukum sekalipun belum berlaku serahan fizikal barang), ia mestilah membuktikan wujudnya pemindahan pemilikan secara penuh kepada pembeli walaupun pemilikan tersebut secara fizikal tidak berlaku dan pembeli belum menerima barang secara fizikal (Mohamad Syahir, Salmy Edawati & Azlin, 2017). Tambahan lagi, menurut Mohd Bahroddin (2015), perpindahan milikan secara penuh menunjukkan perpindahan tanggungjawab. Ini dapat dibuktikan sekiranya berlakunya risiko seperti kehilangan, maka kerugian ditanggung oleh pembeli walaupun fizikal barang tersebut tidak berada pada pembeli. Tanggungan kerugian ini bermula ketika akad dilakukan.

Selain itu, jualan emas secara dalam talian (*online*), penjual mestilah memiliki stok emas yang dijual. Ia sebagai bukti emas jualan tersebut wujud dan mudah didapati dari syarikat pembekal emas. Jika barang tersebut sukar didapatkan dalam masa yang sama penjual telah pun mengambil wang bayaran pembeli sebagai wang *wadi'ah*, maka telah wujud salah satu unsur elemen *gharar* dalam jual beli (Zaharuddin 2009; al-Zuhaili, 2004). Malah jika ketiadaan stok bekalan emas, jualan secara dalam talian (*online*) akan wujud unsur bertangguh selain *gharar* (sesuatu yang tidak jelas membawa kepada risiko). Oleh itu, sudah menjadi tanggungjawab bagi pihak penjual untuk memastikan terlebih dahulu prestasi sesebuah syarikat pembekal emas sebelum mendaftarkan sebagai agen atau stokis.

Jadual 3: Kriteria Patuh Syariah Dalam Transaksi Jual Beli Emas Digital dalam talian (*online*)

Bekalan Stok Emas	Rekod Bukti Transaksi Secara Terperinci	Hak Tasarruf (Mengurus Atas Pemilikian) Oleh Pembeli	Status	Isu Syariah
Ada	Ada	Ada	Patuh Syariah	Tiada isu
Ada	Tiada	Tiada	Tidak Patuh Syariah	<i>Tiada Qabd Hukmiy</i>
Ada	Ada	Tiada	Tidak Patuh	<i>Tiada Qabd</i>

			Syariah	Hukmiy
Ada	Tiada	Ada	Tidak Patuh	Tiada Qabd
Tiada	Ada	Ada	Syariah	Hukmiy
Tiada	Tiada	Ada	Tidak Patuh	Gharar
Tiada	Ada	Tiada	Tidak Patuh	Gharar
			Syariah	

Sumber: Muhamad Zuhaili (2022)

3.4 Parameter Pembelian Emas Dalam Talian Menerusi Kaedah Kunci Harga (Lock Price)

Bagi memastikan pembelian emas secara dalam talian menerusi kaedah kunci harga (*lock price*) adalah menepati syariah maka parameter khusus dibentuk seperti berikut:

- i. Urusniaga emas mestilah memenuhi garis panduan emas secara asas.
- ii. Pembelian emas dalam talian mestilah memenuhi syarat-syarat “satu majlis” agar urusniaga yang dilakukan tidak wujud unsur bertangguh. Kriteria satu majlis yang dimaksudkan ialah uruan yang berlaku adalah secara langsung antara pembeli dan penjual serta catatan yang direkodkan adalah menunjukkan tarikh dan waktu yang sama sekalipun berbeza zon kawasan.
- iii. Jualan yang melibatkan secara dalam talian (*online*) mestilah berasaskan stok emas yang ada di pihak agen atau syarikat jualan sekalipun fizikalnya akan diterima kemudian.
- iv. Mestilah memastikan urusniaga dalam talian (*online*) yang berlaku memenuhi syarat *taqabud hukmiy* (serahan milik yang sah secara hukum sekalipun belum berlaku serahan fizikal barang) antara pembeli dengan agen atau syarikat penjual. Menerusi *taqabud hukmiy*, menjadi bukti bahawa pembeli telah memiliki hak ke atas emas tersebut sama ada untuk jual semula, pajak dan sebagainya. Jualan tanpa memiliki stok emas tidak dibolehkan kerana wujud unsur bertangguh disebabkan berlakunya tempahan ke atas barang yang tidak wujud lagi pegangannya semasa kontrak berlaku.
- v. Pembelian emas secara kaedah kunci harga (*lock price*) adalah diharuskan selagimana janji yang berlaku tidak membentuk kontrak jual beli.

- vi. Diharuskan janji yang mengikat dari sudut memelihara maslahat pihak lain dari menanggung kerugian atau kerosakan yang terhasil dari kemungkinan.
- vii. Jika berlaku kemungkinan yang menyebabkan kerosakan barang atau kerugian dari sudut perkhidmatan, maka penjual boleh menuntut ganti rugi berdasarkan kadar sebenar bukan menjadikan sebagai orientasi keuntungan. Pemakluman mengenai tuntutan mestilah dinyatakan secara jelas di awal perjanjian dibuat.
- viii. Bayaran awal sama ada sebahagian atau penuh sewaktu kaedah kunci harga (*lock price*) dilakukan hanyalah berstatus *hamish jiddiyah* (wang jaminan) sahaja sebagai bukti kesungguhan di peringkat pembuat janji untuk membeli. Ia bukan dikira sebagai deposit bayaran awal bagi sebahagian nilai jualan. Jika berlaku pembatalan, duit tersebut dikembalikan semula. Penjual dibenarkan mengenakan caj kerugian berdasarkan kos sebenar jika berlaku kerugian atas kerosakan barang atau khidmat kerja yang telah dilakukan disebabkan pembatalan. Tuntutan ini mestilah dimaklumi awal secara jelas dan tidak boleh secara berselindung.
- ix. Ketika kontrak dimeterai pada tempoh yang dipersetujui apabila janji disempurnakan, wujud kontrak *wakalah bil ujrah* (melantik wakil dengan bayaran upah) di mana pembeli melantik agen atau syarikat jualan sebagai *wakilnya* dalam menguruskan pengambil stok emas dan dihantar kepadanya. Upah yang diterima melibatkan kos penghantaran mestilah jelas dan tetap berasaskan persetujuan penghantaran. Sebarang kos tambahan melibatkan penghantaran mestilah dimaklumi awal dan dipersetujui seperti kos takaful ke atas pengeposan emas.
- x. Sebarang permasalahan sebelum pembeli menerima barang emas adalah di bawah tanggungjawab agen atau syarikat yang berurusan sebagai wakil baginya.

Berdasarkan kepada 10 perkara dalam parameter ini yang dibentuk, ia adalah bagi memastikan urusniaga emas yang berlaku sekalipun dengan platform digital dan kaedah yang terkini mengelakkan wujudnya unsur yang dilarang iaitu riba dan *gharar*. Dengan perubahan zaman yang semakin canggih menerusi kaedah digital maka sewajarnya kemudahan yang ada ini dimanfaatkan dalam masa yang sama memelihara prinsip-prinsip dalam kewangan Islam termasuklah urusniaga yang melibatkan emas. Malah ia juga bertepatan bukan sekadar pembelian emas secara individu atau secara kecil-kecilan tetapi bagi memastikan urusniaga emas yang secara besar-besaran serta melibatkan perbezaan negara berbeza waktu. Di sinilah kita dapat lihat, penekanan maslahat dipelihara dengan prinsip kewangan Islam yang melibatkan urusniaga emas selagimana parameter ini dipenuhi.

4. PENUTUP

Secara asasnya, urusniaga yang melibatkan emas mestilah tidak boleh wujudnya unsur riba, bertangguh dan juga *gharar*. Emas yang merupakan item ribawi tertakluk kepada garis panduan asas yang dinyatakan sendiri oleh Rasulullah SAW dalam hadith-hadith yang dibincangkan di atas. Dalam masa yang sama kaedah pembelian yang moden dan bersesuaian dengan perubahan zaman tidak menghalang untuk urusniaga ini dijalankan selagimana mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Keseluruhan syarat-syarat tersebut adalah untuk memastikan urusniaga emas yang dijalankan terhindar dari unsur riba, bertangguh dan *gharar* tersebut.

Kepentingan parameter ini adalah bagi memastikan kepatuhan syariah dalam urusniaga emas dalam urusniaga masa kini yang lebih terbuka secara dalam talian berasaskan perkembangan teknologi dan kemajuan digital. Bagi kaedah kunci harga (*lock price*) ia mestilah berstatus janji bukannya kontrak jual beli lagi. Implementasi janji yang mengikat adalah wajar bagi mengelakkan wujudnya kemudaratan atas pihak yang lain. Di samping itu, apa sahaja urusniaga emas, hendaklah agen dan syarikat menjualnya dalam keadaan emas tadi wujud sekalipun di stok simpanan atas dasar isu keselamatan. Sekiranya jualan dilakukan ke atas emas yang tidak wujud maka ia adalah haram disebabkan hakikatnya ia bersifat tempahan dan status tempahan adalah mempunyai unsur bertangguh.

5. RUJUKAN

Abu Ghuddah, Abdul Sattar. 2006. *al-Muwata'ah 'ala Ijra' al-'Uqud wa al-Muwa'adah al-Muta'addidah*, Kertas Kerja yang dibentangkan pada Majma' al-Fiqh al-Islami, Daurah ke 17, Amman, Jordan, hlm. 4.

Akademi Fiqh Islam Antarabangsa (AFIA). 1998. Ketetapan no 40-41 (5/2 dan 5/3). Lihat : <https://iifa-aifi.org/1751.html>

Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI). 2002. 'Shari'ah Standard No. (8) Murabahah* (Revise Standard). Lihat: <http://aaoifi.com/ss-8-murabahah/?lang=en#>

Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI). 2016. The AAOIFI Shariah Standard No.57. on Gold and its Trading Controls. Lihat: <http://aaoifi.com/ss-57-the-gold-standard/?lang=en>

Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI). 2016. The AAOIFI Shariah Standard No.49. Unilateral and Bilateral Promise. Lihat: <http://aaoifi.com/ss-49-unilateral-and-bilateral-promise/?lang=en>

Azlin Alisa Ahmad, Hailani Muji Tahir, Shoffian Ahmad & Mat Noor Mat Zain. (2012). Kontrak Hadapan Mata Wang Asing Menurut Islam sebagai Mekanisme Lindung Nilai: Analisis Penggunaan Wa'd. Jurnal Islamiyyat UKM siri 34: 33 – 43.

Bank Negara Malaysia. 2007. *Syariah Resolutions in Islamic Finance*. Ed. 1. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia. Hlm. 99

Bank Negara Malaysia (BNM). 2015. 'The Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia (the SAC) 157th Meeting BNM'. Lihat: <https://www.bnm.gov.my/-/sac-157th-meeting>

Fadziani Yaakub dan Ahmad Hidayat Buang. 2019. Cabaran Pengaplikasian Janji (Wa'd) Dalam Kontrak Perbankan Islam di Malaysia. *Jurnal Syariah*, Jil. 27, Bil 2:233-260.

Islambuli, Ahmad Muhammad Khalil. 2003. *Hukm al-Wa'd fi al-Fiqh al-Islami wa Tatbiqahu al-Mu'asir*. Majallah Jamiah Abd al-Aziz: al-Iqtisad al-Islami Jil. 16. Halaman 43 -57.

- Maysun Quadri, Arif Ali Arif & Hasan Ibrahim al-Hindawi. 2019. *Daur al-Syariah fi Tarsikh Mabadi' al-Hukumah: Mada Ilzamiyyah al-Wa'd fi al-Masarif al-Islamiyyah Namuzujan*. Journal of Islam in Asia. Vol. 16. No. 2.
- Mohamad Syahir bin Mohamad, Salmy Edawati bt Yaacob & Azlin Alisa bt Ahmad. 2017. *Transaksi Jual Beli Emas Melalui Pemasaran Berbilang Tingkat (MultiLevel Marketing) Dalam Islam: Sorotan Literatur*. Journal of Contemporary Islamic Law. Vol 2(1).
- Mohd Bahroddin Bin Badri. 2015. *Qabd (Possession): An Overview*. International Shari'ah Research Academy For Islamic Finance (ISRA) Jun: 1-2.
- Muhammad Ridha 'Abd al-Jabbar al-'Ani .1988. *Quwwah al-Wa'd al-Mulzimah fi al-Shari'ah wa al-Qānūn*. Majallah Majmā' al-Fiqh al-Islāmī, vol. 5/2: 779
- Muhammad Sulaiman al-Asyqar .1983. *Bay'al-Murabahah Kama Tajrīh al-Bunuk al-Islamiyyah*. (Kertas kerja, Muktamar ke-2 Kewangan Islam, Kuwait, 21-23 Mac 1983)
- Muhamad Zuhaili bin Saiman & Ahmad Dahlan bin Salleh. 2015. *Helah Riba Dalam Transaksi Jual Beli Emas Secara Bertangguh*. Tesis Sarjana Jabatan Syariah Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi.
- Muhamad Zuhaili bin Saiman & Ahmad Dahlan bin Salleh. 2018. Hukum Pemakaian Kaedah "Lock Price" dalam Urusniaga Emas Fizikal. Jurnal Islamiyyat. Vol. 40(1): 3 – 13
- Muhamad Zuhaili bin Saiman. 2021. Implementasi Muwa'adah dalam Urusniaga Emas Fizikal Secara Easy Payment Purchase (EPP). Proceeding of the 7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2021). FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia. 6-7
- Al-Qurrah Daghi, Ali Muhy al-Din. 2002. *Buhuth fi al-Iqtisad al-Islami*. Beyrut: Dar al-Bashair al-Islamiyyah. Hlm. 403.
- Shofian Ahmad dan Azlin Alisa Ahmad, 2008. *Konsep Wa'd dan Aplikasinya dalam Sukuk*. Kertas kerja ini dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM) ke-III, jilid 1, Negeri Sembilan 20-22 Ogos 2008.

- Turki, Muhammad Kattu'. 2012. *Al-Wa'd wa Atharuhu fi al-Muamalat al-Syar'iyyah*. Lubnan: Dar al-Nawadir.
- Usmani, Taqi. 2005. *An Introduction to Islamic Finance*. New Delhi: Idara Isha'at-E-Diniyat (P) Ltd. Hlm 88.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 2006. *Fiqh al-Zakah*. al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Zaharuddin Abd Rahman. 2009. Wang, Anda dan Islam: Halal dan Haram Dalam Kewangan Pembankuan. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd
- Al-Zuhayli, Wahbah. 2002. *al-Mu'amalat al-Maliyyah al-Mu'asirah*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhailiy, Wahbah. 2004. *al-Fiqh al-Islamiy wa 'Adillatuh*. Cetak ulang. Jil. 5. Damsyik: Dar al-Fikr
- Zulkifli Al-Bakri. 2018. *Al-Kafi 706: Hukum Jual Beli Emas Secara Atas Talian Dan Penyerahan Ke Dalam Akaun Pembeli*

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.